

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)75**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB KUMARAN KRISHNAN**

75. Mengapakah Kerajaan Negeri belum mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi projek menaik taraf jalan daripada dua lorong ke empat lorong bagi Fasa 3 (Persimpangan BORR ke Penang Sentral) dan Fasa 4 (Penang Sentral ke Jambatan Tunku Abdul Rahman)?
- (a) Apakah perancangan semasa dan bilakah permohonan rasmi akan dibuat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

75. Pelaksanaan projek pembangunan adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan negeri dan tertakluk kepada ketersediaan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan.
- (a) Secara lazimnya, permohonan projek menaik taraf jalan akan dilakukan secara berfasa. Bagi FT001 yang dimaksudkan Yang Berhormat ini, penaiktarafan daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong dari persimpangan Butterworth Outer Ring Road (BORR) ke Penang Sentral (Fasa 3) dijangka akan

dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) setelah projek menaik taraf dari Permatang Pak Elong Ke BORR (Fasa 2) memasuki fasa pembinaan. Seterusnya, permohonan bagi pelaksanaan projek menaik taraf jalan dari Penang Sentral ke Jambatan Tuanku Abdul Rahman (Fasa 4) akan dikemukakan setelah projek Fasa 3 memasuki fasa pembinaan.